



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
Bandar Indera Mahkota
25604 Kuantan
Pahang Darul Makmur

Tel : 09-5715701
Faks : 09-5734857
Laman Web : jpn.pahang.moe.gov.my

Ruj. Kami: JPNP.SPMd. 600-3/5/2 Jld 21 (38)
Tarikh : 29 April 2024

Puan Norhana Hanim
Pengarah
Jabatan Pusat Pembelajaran dan Satelit
Petrosains, The Discovery Centre
Petrosains Sdn Bhd
Level 4 Suria KLCC
Petronas Twin Towers
50088 Kuala Lumpur

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN MURID BAGI PROGRAM PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2024 ANJURAN PETROSAINS SDN. BHD.

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan bertarikh 15 April 2024 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pahang amat berbesar hati dan sentiasa mengalui-alukan kerjasama dan perkongsian pintar bersama pihak agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam usaha membangunkan aktiviti kokurikulum dan memartabatkan pendidikan di negeri ini.
3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** untuk memberi kebenaran penganjuran dan pelibatan murid bagi program tersebut bermula pada bulan **Mei hingga 27 Oktober 2024**.
4. Walau bagaimanapun, pihak JPN ingin menarik perhatian tuan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan adalah tertakluk di bawah **Surat Pekeling Ikhtisas KPM Bil.7/1988, Bil.8/1995, Bil.8/2009, Bil.5/2018** dan **Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010** serta mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta mematuhi perkara-perkara berikut:
 - 4.1 pihak pengajur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pahang (JPNP), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta sekolah berkenaan;

- 4.2 semua murid dan guru terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
 - 4.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga;
 - 4.4 pihak pengajur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan pengajuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
 - 4.5 surat kebenaran/kelulusan ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
 - 4.6 penyertaan murid dan guru tidak mengganggu atau menjelaskan waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/program/aktiviti sekolah;
 - 4.7 pihak pengajur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
 - 4.8 amalan nilai murni dan kesedaran sivik dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung bagi mendokong elemen urus tadbir insan (*Human Governance*) dalam kalangan murid sekolah;
 - 4.9 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat (merujuk SPI Bil.5/2018);
 - 4.10 pihak pengajur dimohon agar mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program tersebut; dan
 - 4.11 JPN Pahang berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak pengajur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa.
5. Sebagai makluman tuan, kelulusan ini hanya sah untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh **27 Oktober 2024**. Sebarang pertanyaan berkaitan, pihak tuan boleh menghubungi **Encik Shazelin Nor bin Hijaz**, Unit Pembangunan Bakat Murid (Kokurikulum) menerusi talian **09-5715897/012-5516050** atau melalui e-mel: shazelin.nor@moe.gov.my.

Kerjasama dan keprihatinan tuan dalam perkara di atas amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(YUSOF BIN KASSIM)

Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Pendidikan Pahang

- s.k. - Pengarah Pendidikan Pahang
- Ketua Penolong Pengarah
Pembangunan Bakat Murid
Sektor Pembangunan Murid
- Fail Timbul

Shazelin/Kebenaran_Sokongan_Pengiktirafan/STEM/mydocs